



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
30 September 2019**

ASNB Umum Pengagihan Pendapatan

5.00 sen untuk ASM 3, 3.75 sen untuk ASN Equity 5 dan 4.20 sen untuk ASN Sara 2

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) dan dana harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2019.
- ASM 3, dana harga tetap yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham 1Malaysia, telah mengisyiharkan pengagihan pendapatan 5.00 sen seunit dan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM670.5 juta akan dibayar kepada 496,705 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 13.6 bilion unit.
- Bagi dua dana harga berubah yang dilancarkan tahun lepas iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 2, pengagihan pendapatan adalah masing-masing sebanyak 3.75 sen seunit dan 4.20 sen seunit, menjadikan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM15.1 juta untuk ASN Equity 5 dan RM46.6 juta untuk ASN Sara 2.
- Urus niaga telah ditangguhkan buat sementara waktu untuk ASM 3 dari 26 September hingga 30 September dan untuk ASN Equity 5 serta ASN Sara 2 dari 28 September hingga 1 Oktober 2019, bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB www.myasn.com.my atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan ASNB atau dengan ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Oktober 2019 untuk ASM 3, dan 2 Oktober 2019 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

KUALA LUMPUR, 30 September 2019 – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dana harga tetap, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) dan dana harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2019.

ASM 3, dana harga tetap yang dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham 1Malaysia, telah mengisyiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit kepada 496,705 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 13.6 bilion unit.

ASNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dua dana harga berubahnya yang telah dilancarkan tahun lepas, ASN Equity 5 dan ASN (Aset Campuran Konservatif) 2, masing-masing sebanyak 3.75 sen seunit dan 4.20 sen seunit, menjadikan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM15.1 juta untuk ASN Equity 5 dan RM46.6 juta untuk ASN Sara 2.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “Kami berpuas hati usaha kami untuk menggalakkan kepelbagaian aset PNB, termasuklah usaha meningkatkan pendedahan kepada aset global, yang bertujuan mengurangkan kesan daripada pasaran ekuiti domestik yang mencabar telah menyokong prestasi ketiga-tiga dana ini.”

“Di sebalik keadaan pasaran semasa yang tidak menentu, PNB terus menyaksikan peningkatan dalam bilangan unit dalam edaran (UIC) bagi kesemua 14 dana dengan ASN Sara 2 berjaya menarik seramai 27,804 pemegang unit yang melanggar 1.1 bilion unit dalam tempoh satu tahun selepas pelancarannya. Ini mencerminkan tahap kepercayaan para pelabur terhadap PNB, yang akan sentiasa kami pelihara.”

Kedua-dua dana harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara 2, diperkenalkan tahun lepas untuk memenuhi keperluan pelabur dari kategori dan tahap risiko pelaburan yang berbeza.

ASN Equity 5 ialah dana pertumbuhan ekuiti yang dikhurasukan kepada pelabur muda yang mensasarkan peningkatan modal dan nilai kasar, dan berhasrat menjana peningkatan modal serta pengagihan pendapatan yang berpatutan melalui kepelbagaian portfolio pelaburan.

ASN Sara 2 pula ialah dana aset campuran konservatif yang difokuskan kepada pelabur yang lebih matang dan ingin mengelak risiko, selain memilih aliran pendapatan yang stabil serta potensi pertumbuhan jangka panjang.

Pengagihan pendapatan dikira berdasarkan purata baki minimum bulanan sepanjang tahun kewangan untuk ASM 3, manakala untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2, ianya berdasarkan jumlah unit dimiliki pada hujung tahun kewangan dana. Pembayaran pengagihan pendapatan yang diumumkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan dikreditkan secara automatik pada 1 Oktober 2019 untuk ASM 3 dan pada 2 Oktober 2019 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

Urus niaga telah ditangguh buat sementara waktu dari 26 September hingga 30 September untuk ASM 3 dan untuk ASN Equity 5 serta ASN Sara 2 dari 28 September hingga 1 Oktober 2019, bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB www.myasn.com.my atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan ASNB atau dengan ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Oktober 2019 untuk ASM 3, dan 2 Oktober 2019 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

- End -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan 248.5 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad